

PM hairan projek makmal komputer gagal disiapkan

UM 6 JAN 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan LAUPA JUNUS

PUTRAJAYA 5 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hairan projek makmal komputer di Semenanjung gagal disiapkan mengikut jadual, sedangkan pembinaan beratus-ratus sekolah tidak pernah menimbulkan masalah.

Perdana Menteri berkata, masalah kegagalan kontraktor itu merupakan satu perkara baru dan kerajaan akan mengkajinya.

"Kita akan kaji perkara ini dan kita akan cuba selesaikan. Saya ingat, perkara ini banyak sangat masalah. Masing-masing kata orang itu salah, orang ini salah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri anjuran Wisma Putra di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas isu kelewatan pembinaan hampir 85 peratus projek makmal komputer kerana kegagalan empat kontraktor utama menyiapkannya mengikut jadual.

Ekoran kelewatan itu, Kementerian Pendidikan mengambil tindakan muktamad menamatkan kontrak kesemua kontraktor tersebut.

Semalam pula Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengesahkan empat kontraktor utama yang diberikan kontrak, sebenarnya tidak layak mengendalikan projek bernilai RM534 juta tersebut.

Perdana Menteri berkata, dalam pemberian kontrak untuk menjalankan kerja pembinaan di negara ini, situasinya agak berbeza dengan negara lain.

Jika di negara lain, kata beliau, kontrak diberikan kepada kontraktor yang terbaik, terbesar dan sudah pasti ia akan melaksanakan kerja dengan baik.

"Tetapi di Malaysia, kita nak ambil kira kontraktor kecil dan bumiputera serta mengambil kira pula sama ada dia layak atau tidak layak," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta semua pihak termasuk media supaya tidak menggembar-gemburkan isu kelewatan pembinaan projek makmal komputer berkenaan.

"Bagi peluang kepada kita (kerajaan) untuk mengkaji mengapa benda ini berlaku. Kita akan cuba selesaikan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kegagalan ini mungkin berpunca daripada sikap kontraktor sendiri.

Menurut beliau, penggunaan komputer di sekolah tidak semestinya perlu ada makmal komputer kerana komputer boleh ditempatkan di bilik darjah.

Projek makmal komputer Kementerian Pendidikan dibahagikan kepada enam zon iaitu zon utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang), tengah (Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan), selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor), timur (Pahang, Terengganu, Kelantan) serta Sabah dan Sarawak.

Tidak memuaskan

Berdasarkan laporan kementerian, pembinaan makmal komputer di zon timur mengecewakan kerana daripada 500 projek yang perlu disiapkan pada akhir Disember lalu, hanya sebuah siap sepenuhnya, 66 belum dibina manakala 433 masih dalam pembinaan.

Di zon selatan pula, daripada 340 projek yang perlu disiapkan, hanya sebuah sahaja makmal yang mampu disiapkan, 33 lagi belum dibina dan 306 masih dalam pembinaan.

Pembinaan makmal komputer di zon utara dan tengah juga tidak memuaskan Kementerian Pendidikan kerana daripada 1,000 projek yang perlu disiapkan pada akhir tahun lalu, cuma 465 makmal yang disiapkan, 96 belum dibina manakala 858 masih dalam pembinaan.

Sementara di Sabah dan Sarawak, kerja-kerja pembinaan masih diteruskan dan masih dalam jadal kontrak sehingga Mei ini.

Projek makmal di zon utara dikendalikan oleh syarikat Pintar Teknologi-Bumiasia JV Sdn. Bhd., tengah (Perkhidmatan Rundingan Industri Malaysia Sdn. Bhd.), selatan (CS Tech Venture Sdn. Bhd), timur (Bellgrand Sdn. Bhd.), Sarawak (Telekom Smart School Sdn. Bhd.) dan Sabah (TimeCom Holdings Bhd.).